

Banjir di Kelantan beransur pulih

KOTA BHARU 28 Dis. - Keadaan banjir di Kelantan beransur pulih apabila jumlah mangsa yang tinggal di pusat pemindahan sehingga lewat petang ini berkurangan kepada 4,594 orang membabitkan 1,540 keluarga berbanding 6,953 orang daripada 2,190 buah keluarga semalam.

Pada masa sama, hanya 12 buah pusat pemindahan di daerah Tumpat, Pasir Mas dan Kota Bharu dibuka berbanding 38 buah pusat pemindahan sebelum ini.

Sementara itu, paras air di lima sungai utama di negeri ini semakin menurun dan berada di paras normal kecuali Sungai Golok di Rantau Panjang yang masih melebihi paras berbahaya iaitu 9.86 meter setakat pukul 7 petang ini.

Dua batang jalan raya iaitu Jalan Banggol Kulim dan Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu yang sebelum ini ditutup akibat ditenggelami air dibuka semula kira-kira pukul 3 petang ini.

Beberapa batang jalan iaitu Jalan Pasir Mas-Pohon Tanjung-Rantau Panjang, Jalan Pengkalan Rakit, Jalan Bukit Tuku-Batu Hampar, Jalan Cabang 4-Kampung Jambu-Meranti dan Jalan Keselamatan Pengkalan Kubor-Kampung Jambu masih ditutup kepada semua kenderaan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pekan Rantau Panjang mendapati para peniaga sedang giat membersihkan premis perniagaan masing-masing selepas air mulai surut dan dijangka memulakan operasi perniagaan esok.

Rata-rata peniaga yang ditemui memberitahu, mereka tidak mengalami kerugian yang besar kerana telah bersedia lebih awal dengan memindahkan barangan atau menyimpannya di tempat lebih selamat sebelum limpahan air Sungai Golok membanjiri pekan tersebut sedalam lebih satu meter.

Penduduk di kawasan tersebut juga mengambil kesempatan daripada cuaca cerah untuk membersihkan rumah, pakaian dan peralatan yang kotor disebabkan banjir.